



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERLIS**  
Tingkat 3, Bangunan Persekutuan  
Persiaran Jubli Emas  
01000 Kangar  
PERLIS

Telefon : 04-9762766/9762735  
04-9762657/9762744  
Faks : 04-9762668  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perlis>

Ruj. Kami : ANM.Ps (A) 0050 Jld. 9 (69)  
Tarikh : 15 Ogos 2024

## PERINGATAN

### Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) JANM Negeri Perlis

Tuan/Puan,

### PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI AKAUN AMANAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 4 Tahun 2021 - Tatacara Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Akaun Amanah Awam.

2. Berdasarkan kepada **SPANM 4/2021** telah digariskan dengan jelas peraturan dan tanggungjawab PTJ untuk mengesahkan transaksi telah diperakaunkan dengan betul dan mengemukakan Sijil Pengesahan Baki setiap bulan kepada Unit Akaun, JANM Perlis **dalam tempoh 14 hari dari hari pertama bekerja pada bulan berikutnya.**
3. Walau bagaimanapun, semakan mendapati jabatan/PTJ tuan/puan masih belum mengemukakan Sijil Pengesahan Baki bagi bulan Julai 2024.
4. Sehubungan dengan itu, tuan/puan dikehendaki untuk menghantar Sijil Pengesahan Baki **dalam tempoh 7 hari daripada tarikh surat ini dikeluarkan.** Kerjasama daripada pihak tuan/puan amat dihargai.

Sekian terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"**

**(RABIATUL ADABIYAH BINTI MOHAMED HASHIM)**  
b.p Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perlis

**PTJ BELUM HANTAR SIJIL PENGESAHAN BAKI BG JULAI 2024**

<b>Bil.</b>	<b>No PTJ</b>	<b>Kod Amanah</b>	<b>NAMA JABATAN</b>
1	46420000	L550	INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA
	46030113	L550	
	46030113	L550	
2	47022202	L763	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN
3	53170501	L404	KETUA POLIS DAERAH ARAU,PERLIS
4	53170301	L404	KETUA POLIS DAERAH KANGAR,PERLIS
5	36020311	L806	JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
6	41580101	E710	JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERLIS
7	57150200	E730	PUSAT KOREKSIONALPERLIS